



BARISAN pemain USMKAL (kanan) dan KKMM Labuan bergambar kenangan sebelum perlawanan.

USMKAL jinakkan KKMM Labuan dalam aksi persahabatan

NST 5.10.2019 15

LABUAN: Pasukan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (USMKAL) berjaya menewaskan pasukan pilihan Kementerian Komunikasi Multimedia Malaysia (KKMM) Wilayah Persekutuan Labuan 3-1 dalam aksi perlawanan bola sepak persahabatan di padang sintetik, Kompleks Sukan Labuan, pada Rabu lalu.

Jaringan USMKAL dihasilkan melalui Mohd Nadzirul Rahmat, Syahrulnidzam Wahainin dan Mohd Nazri Ibrahim.

Manakala gol tunggal KKMM dijangkau oleh Mohamad Raiful.

Ketua Pendaftar Kanan USMKAL, Muhamad Zamri Tuah berkata perlawanan persahabatan itu merupakan salah satu latihan untuk menguji kekuatan dan keserasian pemain USMKAL yang diketuai Yusdi Lamat.

"Perlawanan seperti itu penting untuk memantapkan lagi pasukan USMKAL dalam menghadapi pertandingan di peringkat UMS pada masa akan datang," katanya selepas menyampaikan cenderamata kepada Pengarah Jabatan Penerangan Labuan, Supian Musa sambil disaksikan pemain kedua-dua pasukan.

Zamri bagi pihak Pengarah USMKAL, Prof Dr Murnizam Halik sentiasa mengalu-alukan perlawanan persahabatan dengan pasukan jabatan dan agensi kerajaan di wilayah ini.

Beliau juga menyifatkan perlawanan persahabatan tersebut mampu mengeratkan lagi persahabatan dan hubungan silaturahim yang sedia ada antara kedua-dua pasukan. **-JAINUDIN DJIMIN**



ANTARA aksi menarik pemain USMKAL dan KKMM Labuan.